

1218

"Teknik pengolahan catan figura dari awal enam puluhan hingga masa kini dikalangan pelukis-pelukis Melayu Malaysia."

Disediakan oleh :

Mohd. Zikrie bin Mohd. Zain.
I/C ITM :84663443

Diperiksa olehtarikh.....

Diperiksa oleh.....tarikh.....

Diperiksa olehtarikh.....

Suruhanjaya Perbadanan Pembangunan
Perpaduan dan Tadbir Awam Bersekutu
Institut Teknologi MARA
4350 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

PENGHARGAAN

Proses untuk melaksanakan tugas ini telah melibatkan banyak pihak termasuk badan-badan swasta, pertubuhan-pertubuhan dan juga individu-individu. Kerjasama yang diberikan amatlah menyenangkan dan terlalu besar nilainya. Kerjasama yang melibatkan tenaga kerja dan nasihat , dan perangsang yang diberikan hanyalah Tuhan yang dapat membalasnya. Mungkin dengan tidak adanya kerjasama dan pertolongan seperti ini, tesis ini tidak akan dapat disiapkan dengan sempurnanya. Di sini saya senaraikan nama-nama yang terlibat dalam menjayakan tesis saya, sebagai mengabadikan rasa terimakasih saya diatas pertolongan dan kerjasama yang telah diberikan.

1. Perpustakaan Tun Abdul Razak, ITM.
2. Perpustakaan Balai Senilukis Negara.
3. Perpustakaan Negeri, Negeri Selangor.
4. Rakan-rakan seperjuangan dan sekuliah.
5. Keluarga.
6. Semua personal yang telah memberikan kerjasama dalam menjayakan tesis ini.

KANDUNGAN

- i. Pendahuluan.
- ii. Perkembangan Seni Catan Di Malaysia.

Bab 1.

- i. Catan Figura
- ii. Tinjauan karya-karya catan figura
- iii. Teknik pengolahan catan figura
- iv. Sejarah dan perkembangan catan figura di Malaysia
- v. Kesimpulan

Bab 2.

- 2.i. Nama pelukis catan figura di Malaysia.
(yang terpilih untuk kajian tesis),
Biodata dan pengenalan mengikut hairaki
sejarah.
- 2.ii. Teknik pengolahan.
- 2.iii Kesimpulan.

Bab 3

- 3.i. Tinjauan perbandingan.
- 3.ii. Rumusan.

iii. Rujukan.

1) PENDAHULUAN

Kegiatan seni di negara kita buat masa ini masih lagi kurang mendapatkan kritikan dan tidak diambil berat oleh masyarakat. Sebenarnya tindakan sebegini perlu dalam usaha untuk mempertingkatkan lagi kegiatan seni di negara kita. Kekurangan kritikan dan usaha mengambil berat tentang perkembangan seni ini secara tidak langsung melemahkan perkembangan seni itu sendiri.

Pembentukan dan perkembangan seni di negara kita tidak boleh dibiarkan dan diserahkan secara bulat-bulat kepada para pelukis sahaja. Seni adalah milik semua. Kesenian yang ujud bukan untuk kepentingan individu dan masyarakat setempat sahaja, malah ianya juga adalah untuk negara kita Malaysia. Masyarakat dunia ketiga perlu mengambil perhatian dan memahami bahawa kegiatan seni juga merupakan satu bentuk keperluan negara. Itulah sebabnya ujud apa yang dikatakan Dasar Kebudayaan Negara.

II) PERKEMBANGAN SENI CATAN DI MALAYSIA

"Keindahan itu menenangkan hati dan ubat untuk luka, sesungguhnya keindahan itu perhiasan dan kebahagiaan hidup". Keindahan mengikut seorang falsafah pula dapat mengujudkan keadaan kelazatan yang berbentuk.

Seni melambangkan aspek batinniah manusia yang subjektif, segala bentuk perlambangannya memerlukan usaha yang tidak sedikit untuk mencipta kata-kata dan bahasa yang boleh melahirkan dan memaparkan aspek batinniah itu dengan memberikan bentuk yang konkret lagi umum kepada emosi, perasaan dan kesedaran tentang makna dan nilai hidup.

Kesedaran tentang peri pentingnya seni dalam kehidupan manusia telah membuka jalan dan idea untuk manusia membentuk seni, khususnya seni lukis. Kesedaran tentang kenyataan ini telah juga dirasai oleh masyarakat Malaysia dewasa ini. Maka dengan itu kegiatan seni telah mula mendapat tempat dihati masyarakat kita hari ini.